

Pengesahan kemasinan air tanah pada akuifer ke dua dengan menggunakan kaedah kerintangan geoelektrik. Kajian kes: Di sepanjang kawasan pantai utara Kelantan

HARYONO

Jabatan Geologi
Fakulti Sains Fisis dan Gunaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Kajian geofizik telah dilakukan di sepanjang kawasan pantai utara Kelantan dengan tujuan untuk mengesan kemasinan air tanah pada akuifer ke dua.

Kaedah kerintangan geoelektrik telah digunakan di dalam penyelidikan ini. Data geoelektrik yang diperolehi ditafsirkan dengan bantuan data lubang gerudi dan data hidrogeokimia.

Hasil penafsiran kerintangan geoelektrik menunjukkan bahawa air tanah pada akuifer ke dua mempunyai kepekatan klorid ≥ 250 mg/l sehingga 6 km dari garis pantai.
